

Seorang maut dalam nahas 3 kenderaan

Kuala Lumpur: Seorang pemandu kenderaan utiliti sukan (SUV) maut selepas kenderaan dipandunya terbabit dalam kemalangan dengan dua kenderaan lain di bukit Bandar Tun Razak berhampiran Taman Tenaga di sini, semalam.

Komander Operasi Helmy Effendy Jamaludin berkata, sepasukan 22 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bandar Tun Razak dikejarkan ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan pada jam 2.37 pagi.

Menurutnya, kemalangan membabitkan sebuah Proton X70, kereta Porsche dan

motosikal Honda EX5.

“Seorang lelaki dan wanita berusia 30-an yang menaiki kereta Porsche mengalami cedera parah dihantar ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk rawatan.

“Manakala dua mangsa lelaki berusia 30-an yang menaiki motosikal turut cedera parah dihantar ke HCTM untuk menerima rawatan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Katanya, mayat pemandu SUV yang meninggal dunia di lokasi kejadian diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.



ANGGOTA bomba memberi bantuan awal kepada mangsa kemalangan di bukit Bandar Tun Razak, pagi semalam.